

SCUD giat cegah denggi

SETAPAK – Skuad Cegah Denggi (SCUD) Pergerakan Pemuda UMNO Wangsa Maju memulakan tugas pertamanya melakukan semburan asap di sekitar kawasan perniagaan di Danau Kota bagi membasmi Aedes.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Wangsa Maju, Mohd Taupik Hussain berkata, objektif SCUD ditubuhkan adalah mahu mendekatkan diri ahli UMNO dengan masyarakat setempat di sekitar kawasan Parlimen Wangsa Maju.

Menurutnya, tugas SCUD bukan untuk mengambil alih tanggungjawab pihak berkuasa sebaliknya berfungsi untuk menambahbaikkan perkhidmatan sedia ada.

“Khidmat sukarela ini juga boleh membentuk semangat perpaduan yang erat dalam kalangan ahli pemuda untuk bersama menjayakan program seterusnya,” katanya



■ Taupik (hadapan, tiga kiri) mengetuai tugas pertama SCUD melakukan semburan asap ‘fogging’ di Danau Kota.

ketika ditemui, di sini.

Pihaknya merancang untuk mengadakan aktiviti SCUD seminggu sekali dan akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan DBKL jika penyemburan dibuat pada kawasan berskala besar.

“Buat masa ini, dua mesin penyembur akan digunakan dan kawasan semburan

melibatkan semua kawasan di Wangsa Maju dengan penyertaan turut dibuka kepada semua penduduk tanpa mengira kaum,” katanya.

Pada 12 Jun lalu, SCUD Wangsa Maju dilancarkan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Noh Omar berte-makan ‘Wangsa Maju Bebas Denggi’.